

UNSUR KEINDAHAN PADA HIKAYAT INDERAPUTERA

Keindahan menjadi unsur penting sesebuah karya, malah menjadi pengukurnya. Istilah “keindahan” merupakan salah sebuah istilah pokok dalam sistem estetika kesusasteraan Melayu (Braginsky, 1994:18). Seorang pengarang harus mencari perkataan yang selari dengan perasaan yang membawa konotasi melalui bunyinya. Unsur kehalusan dan penghalusan sudah dimasukkan melalui rasa estetik pengarang. Ia merupakan satu tradisi dan konvensi dalam kesusasteraan Melayu Tradisional dimana pengarangnya tidak boleh lari dari membincangkannya dalam karyanya.

Pada pandangan saya, keindahan boleh membawa maksud apa saja unsur-unsur yang boleh menarik perhatian dan pemikiran, suatu yang berkait rapat dengan perasaan dan emosi sehingga terbawa-bawa dalam kehidupan dan sukar untuk dilupakan. Dengan berpandukan sebuah hikayat Melayu iaitu *Hikayat Inderaputera*, ada beberapa unsur keindahan yang boleh kita temui. Adalah menjadi kebiasaan dalam beberapa mukadimah atau baris-baris pertama karya Melayu, sesekali terbayang pemikiran tentang bahasa yang diturunkan oleh pengarangnya. Kita simpulkan bahawa yang menjadi sasaran pengarang dan karya ialah ‘keindahan’.

Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:111), “yang indah itu boleh berupa ‘perkataan’, atau ‘ceritera’ atau ‘watak’.” Pada awal kisah lagi, karya sering mengiklankan dirinya melalui keindahan yang ditawarkan itu seperti yang terdapat pada awal *Hikayat Inderaputera*:

Ini pada menyatakan hikayat Inderaputera yang *terlalu amat indah-indah* keterangannya cinta berahi itu, pada masanya belum jadi johan patut dengan segala arif bijaksana, ialah yang terlalu amat masyhur di tanah manusia dan di tanah jin dan di tanah indera dan cendera dan di tanah mambang dan peri dan pada tanah dewa.....

(Hikayat Inderaputera: 1)

Yang indah dalam hikayat ini ialah perkataannya, iaitu bahasanya, kemerduannya, kias ibarat dan susunannya. Dari mukadimah hikayat tersebut telah mendefinisikan tujuan dan bentuknya. Yang indah itu juga membawa kemasyuran dan daerah yang lebih luas sehingga meliputi ke seluruh dunia. Di samping itu, permulaan hikayat telah pun menemui penutupnya.

Dalam *Hikayat Inderaputera*, keindahan sering dikaitkan dengan ‘kekayaan Tuhan’. Keindahan itu dilihat sebagai hasil Tuhan Maha Pencipta. Braginsky (1994:18) melihat pengertian ‘indah’ disepadankan secara tertentu dengan konsep kuasa Tuhan (kekayaan Allah). Keindahan adalah wujud sempurna yang dikurniakan Allah kepada benda-benda dan munculnya sifat indah pada sebuah benda bermakna benda itu telah tercipta (wujud). Seperti Islam yang merupakan faktor yang mengintegrasikan pandangan hidup merupakan perpaduan dan keutuhan kepada bermacam-macam unsur. Misalnya:

Maka Inderaputera pun memandang ke sebelah kaki gunung itu seperti laut berombak-ombak juga rupanya. Maka ia pun turun ke sebelah kirinya gunung itu. Maka beberapa pula dilihatnya buah-buahan itu berbagai-bagai rupanya. Maka Inderaputera pun makanlah segala buah-buahan itu. Setelah sudah ia makan maka hairanlah sekali Inderaputera *melihat kekayaan Tuhan*. Maka ia pun menuju matahari dan beberapa melalui bukit dan padang.

(Hikayat Inderaputera: 18)

Maka Inderaputera pun hairanlah melihat burung itu indah-indah rupanya dan Inderaputera pun berjalan pula dari sana beberapa ia melihat *kekayaannya Tuhan Yang Mahabesar*, dan datanglah pada bukit tembaga suasa.....

(Hikayat Inderaputera: 65)

Contoh di atas menunjukkan bahawa pemujaan kepada keindahan alam dan kebesaran nikmat Tuhan atas makhluknya dan pemberian Allah kepada manusia untuk dinikmati. Inderaputera di dalam perjalanannya menemui Berma Sakti telah melihat berbagai keajaiban di dalam bumi, peri dan mambang sebagai dalil kebesaran Tuhan. Inderaputera juga sentiasa sahaja memuji kebesaran Tuhan kerana ia sendiri menginsafi bahawa keindahan adalah datangnyanya dari limpah kurnia Tuhan jua. Kita boleh melihatnya dari petikan di bawah ini:

Arakian segala ikan yang di dalam kolam itu pun timbul, ada yang seperti orang bertanak dan ada yang seperti orang bersorak. Maka merak itu pun mengigal di bawah pohon kayu itu terlalu indah-indah rupanya. Maka Inderaputera pun hairanlah melihat sekalian temasya itu. Maka Inderaputera pun *memuji nama Tuhan Yang Mahabesar*. Maka ia berfikir di dalam hatinya-sedang hambanya lagi demikian kekayaannya. Maka Inderaputera pun insaf akan dirinya.

(Hikayat Inderaputera: 43)

Di samping itu, dalam *Hikayat Inderaputera* banyak sekali digunakan perkataan ‘elok’ serta ‘merdu’ tentang apa-apa sahaja yang tampil di mata seperti bunga, binatang pandai berpantun, kecantikan malah tentang tindakan dalam pertempuran dan lain-lainnya sebagai ganti kepada perkataan ‘indah’. Misalnya:

Arakian berjalanlah Inderaputera hampir kepada burung itu dan burung itu pun berbunyi seperti orang bernyanyi dan berkecapi *terlalu amat merdu* bunyinya. Maka ia berhenti seketika. Maka ujarnya burung putar dan burung terkukur, “Datanglah Inderaputera anak Maharaja Bikrama Buspa, dendamnya kami sekian lamanya sekarang baharulah berjumpa, hilanglah rindu kami,” dan Inderaputera pun terlalulah ajaib melihat burung itu demikian.

(Hikayat Inderaputera: 66)

Arakian parasnya itu gilang-gemilang, *terlalu elok* kilau-kilauan dan beberapa banyak anak raja-raja sekalian masuk meminang tuan puteri itu. Maka tiada juga diberi oleh baginda.

(Hikayat Inderaputera: 99)

Yang indah ialah sesuatu yang luar biasa iaitu sesuatu yang ‘hairan’, ‘ajaib’, ‘gharib’ dan ‘temasya’ (Braginsky 1994 :25). Sering pula yang luar biasa ini dianggap dapat memperlihatkan unsur-unsur keindahan, antara lainnya bersumberkan bunyi perkataan, bahasa, watak dan ceritanya. Perkataan-perkataan ini sering ditemui dalam *Hikayat Inderaputera* sebagai sinonim perkataan ‘indah’. Misalnya:

Kelakian maka Inderaputera pun *hairan* melihat akan paksi itu.....

(Hikayat Inderaputera: 67)

Maka berjalanlah Inderaputera hampir kepada burung itu dan burung itu pun berbunyi seperti orang bernyanyi dan berkecapi terlalu amat merdu bunyinya.....dan Inderaputera pun terlalulah *ajaib* melihat akan burung itu demikian.

(Hikayat Inderaputera: 66)

Di samping itu, keindahan juga boleh dinyatakan dengan berbagai-bagai cara atau jenis dan rupa. Dalam *Hikayat Inderaputera* sering didapati perkataan ‘berbagai-bagai jenis dan rupa’ yang mempunyai perkataan seerti dengan ‘indah’. Misalnya:

.....Dan sama tengahnya pelang itu suatu tasik diperbuat dan pasirnya itu daripada emas urai dan batunya itu daripada permata sembilan *bagai* dan lumpurnya itu kasturi dan rumputnya itu daripada kuma-kuma dan di hulu airnya terlalu manis dan karang-karangannya *berbagai jenis*.

(Hikayat Inderaputera: 181)

Sebermula di dalam taman itu beberapa jambangan daripada emas ditanamnya bunga seri gading dan bunga cempaka malai dan pada segala jambangan yang lain-lain itu pun *berbagai-bagai* bunga yang mulia dan bunga pakan terlalu indah-indah warnanya dan harum baunya dan segala bunga-bunga yang di dalam taman itu *berbagai-bagai* akan warnanya itu dan baunya itu pun *berbagai-bagai* juga adanya.

(Hikayat Inderaputera: 182)

Dari contoh di atas itu juga, kita dapati bahawa ‘indah’ itu dinyatakan dengan penuh deskripsi. Deskripsi tentang kecantikan dan keajaiban lancang dan pelang Inderaputera menimbulkan rasa hairan, takjub dan menarik perhatian pada khalayaknya. Setiap deskripsi terbentuk dengan terperinci terdiri daripada pelbagai benda.

Bagi Braginsky (1998:28-29), keindahan juga boleh menimbulkan rasa terpicat, semacam berahi dalam jiwa orang yang merenungnya. Keindahan ini mampu membangkitkan rasa berahi pada sesiapa yang melihatnya sehingga boleh menimbulkan rasa cinta dalam jiwa. Rasa berahi itu melahirkan rasa hairan dalam hati. Jikalau perasaan tersebut tidak terkawal maka ia boleh mengakibatkan ‘merca’, ‘lupa’ dan lain-lain. Misalnya dalam *Hikayat Inderaputera*:

Maka tuan puteri pun tersenyumlah seraya memandang ke bawah mahligai itu. Maka anak raja itu pun memandang ke atas. Maka sama terpancang muka Tuan Puteri Cendera Lela Nor Lela dengan anak raja itu. Maka anak raja itu pun seperti lenyaplah rasanya ia dalam laut *berahi* itu. Sebab terlalu elok rupanya tuan puteri itu. Kalakian maka anak raja itu pun tergelincirlah kakinya itu daripada yang keemasan itu lalu jatuh ke atas tangannya pedang itu. Maka jadilah penggal dua tubuh itu lalu mati.

(Hikayat Inderaputera: 87)

Begitulah betapa hebatnya kecantikan Tuan Puteri Cendera Lela Nur Lela sehingga telah mengorbankan 39 orang anak raja yang datang menemuinya. Inderaputera sendiri

hampir turut terkorban ketika memandang wajah tuan puteri. Tetapi dengan kebijaksanaan yang ada padanya telah menyelamatkan dirinya. Namun begitu, Inderaputera tanpa disedarinya turut pengsan tatkala melihat wajah tuan puteri, seperti dalam petikan:

Maka dilihat oleh Inderaputera. Maka Inderaputera pun hairanlah melihat rupa tuan puteri itu terlalu elok paras gilang gemilang kilau-kilauan tiadalah dapat ditentang nyata. Maka Inderaputera pun *merca* seketika lalu diambilnya oleh tuan puteri air mawar disapukannya kepada mukanya Inderaputera itu. Maka Inderaputera pun sedarlah akan dirinya seraya bangun.

(Hikayat Inderaputera: 89)

Hikayat Inderaputera dikatakan indah kerana di dalamnya membawa faedah dan manfaat iaitu pengajaran. Yang membina suatu keindahan itu berasaskan tujuannya. Hanya yang dapat membawa pengajaran dianggap indah atau indah-indah. Dengan kata lain, yang membawa ilmu, teladan dan contoh ialah yang indah-indah. Nikmat dan tragedi yang dialami oleh wataknya iaitu Inderaputera membuatkan hikayat ini indah kerana menganugerahkan pengalaman hidup yang beragam, yang tidak mungkin dicapai oleh seseorang manusia dalam hidup hariannya. Bermula dengan kehidupan Inderaputera yang dibawa lari merak emas dan menjadi anak angkat Perdana Menteri. Perjalanan Inderaputera untuk menemui Berma Sakti penuh dengan temasya-temasya yang ajaib-ajaib dan menakutkan. Kemudian timbulnya fitnah-fitnah yang mengancam. Tetapi kebenaran Inderaputera ternyata juga dengan adanya pertolongan dari Allah. Sifat sabar dan tabah yang ada pada dirinya membuatnya sentiasa diberi pertolongan dan memperolehi kejayaan. Ternyata *Hikayat Inderaputera* dapat dijadikan pengajaran untuk pembaca dan pendengar.

Unsur-unsur duka nestapa atau dukalara sering juga dikaitkan dengan keindahan. Dunia pengalaman yang selalu dirundung kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan. Unsur-

unsur ini boleh menimbulkan emosi sedih, kasihan dan simpati kepada khalayak. Kesedihan mengangkut perasaan-perasaan yang lebih dalam, lebih dasar dan cepat membuat khalayak mengenal dirinya, terutama apabila mereka sendiri hidup dalam suatu dunia yang tidak begitu mudah atau riang. Dalam *Hikayat Inderaputera* rasa simpati timbul apabila Inderaputera difitnah oleh menteri-menteri dan anak-anak raja yang iri hati dan dengki terhadapnya sehingga sanggup membunuh malah sampai dibuang negeri. Misalnya:

Maka sembah segala menteri itu, “Ya tuanku Syah Alam sekarang ini Inderaputera itu berbuat jahat dengan dua orang dayang, telah bunting dalam istana tuanku itu”.

(Hikayat Inderaputera: 171)

Hatta maka Inderaputera dan anak raja-raja itu pun mesyuaratlah pula seraya dinantinya Inderaputera pada jalan yang sunyi. Setelah itu akan Inderaputera pun lalu dihadapan anak raja-raja itu. Maka lalu diparangnya oleh anak raja-raja itu di belakang Inderaputera. Maka lalu mati.

(Hikayat Inderaputera: 195)

Selain daripada itu, yang indah-indah itu ternyata muncul dari suatu sungai tradisi yang panjang, yang dimulakan dan juga dikembangkan oleh “orang yang zaman dahulu kala”, leluhur yang amat dihormati dan dimuliakan sebagai sumber yang benar dan baik. Keindahan asli ialah keindahan yang tulen, tanpa tambahan atau kurangan yang menyebabkan ia tidak tulen lagi, yang datang daripada sumber asal. Cukup menarik bahawa yang indah itu dihubungkan dengan orang dahulu kala, orang tua-tua, pengarang asal atau pertama. Mengikut mukadimah *Hikayat Inderaputera*, keindahan yang tulen datang daripada sumber asal. Misalnya:

Mengenai asal usul naskhah ini dan perihal Raja Bikrama Buspa ayahanda Inderaputera. Naskhah Schoeman V9, memberi asal hikayat ini kononnya disurat oleh seorang fakir.

“Wa-bihi nasta’inu billahi Ta’ala, *ini hikayat cerita zaman dahulu kala disurat oleh seorang fakir* terlalu indah-indah karangannya”. Ini tidak tersebut di dalam naskah-naskah lain.

(Hikayat Inderaputera: xv)

Hatta kalakian diceterakan oleh *orang yang empunya cetera ini* demikian bunyi.....

(Hikayat Inderaputera: 9)

Demikian diceterakan oleh *orang yang empunya cetera ini* sekali persetua ada seorang raja di dalam negeri Semanta Beranta itu Raja Talela Syah terlalu amat besar kerajaannya.

(Hikayat Inderaputera: 128)

Begitulah betapa keaslian itu masih tetap dikekalkan. Sesuatu kenyataan diulang-ulangkan dalam beberapa teks, akhirnya menjadi semacam lakaran sebuah unggul sastera, sebuah konsep atau peraturan yang diagungkan, sekali lagi sesuatu yang datang daripada ciptaan leluhur, yang dibenarkan mengalir dan membesar melalui zaman. Contoh-contoh awal ini disalin dalam beratus-ratus cerita lainnya dalam usaha menangkap keindahan yang diingini itu.

Daya untuk melepaskan rasa khalayak daripada tekanan kenyataan dengan mengalihkan fikiran kepada gambaran-gambaran keindahan, mengasyikkan dan menakjubkan. Dengan imaginasi atau membayangkan kemewahan dilengkapkan dengan putera-puteri yang cantiknya “tiada bandingannya pada zaman itu”, dapat merangsangkan perasaan dan deria khalayaknya, melalai dan mententeramkan jiwa. Inilah keajaiban yang diterima dengan penuh nikmat dan kehairanan bertugas sebagai pemenuh fantasi. Burung-burungnya cantik dan kadang-kadang boleh berkata-kata, malah berpantun dan mengejek

manusia. Dalam *Hikayat Inderaputera* terdapat binatang yang boleh berkata-kata dan oleh itu mudah berurusan dengan manusia. Hal ini menimbulkan kehairanan dan seterusnya menarik perhatian, misalnya:

Maka merak emas itu pun dikeluarkan oleh tuan puteri ditaruhnya di atas talam. Maka merak emas itu pun mengigallah terlalu indah-indah lakunya *seraya berpantun* demikian bunyinya.....

(Hikayat Inderaputera: 93)

Maka merak itu pun *berkata*, “Ya tuanku puteri dengarkanlah ceteranya patik”. Maka ia pun *berceteralah* demikian katanya, “Ya tuanku puteri ada seorang di negeri Semendera Puri bernama Inderaputera, iaitu anak maharaja Bikrama bangsanya daripada manusia dan rupanya itu terlalulah elok dan lakunya pun terlalu manis dan sikapnya lagi pantas sekali barang lakunya dan sederhana dan warna tubuhnya gilang-gemilang laksana gambar ditulis”.

(Hikayat Inderaputera: 94)

Magis dan sihir juga menjadi sebahagian penting keajaiban. Dalam *Hikayat Inderaputera*, Inderaputera memiliki panah yang dapat memusnahkan negeri, atau mempunyai gemala hikmat yang dapat membina istana dalam sekelip mata malah dapat menghidupkan orang mati, kekuatan yang tiada tolok bandingannya ketika itu sehingga berjaya menghapuskan bota. Misalnya:

.....Maka terdengar oleh Gherakas itu suara manusia. Maka ia pun membukakan matanya. Maka dilihatnya Inderaputera dengan terdiri di sisinya itu. Maka dihembuskannya Inderaputera dengan suaranya itu seperti halilintar bunyinya. Maka Inderaputera pun bertempik seraya *diparangnya Gherakas itu penggal dua lalu rebah mati*.

(Hikayat Inderaputera: 140)

Dalam hal yang lain pula, pertempuran dan peperangan banyak menimbulkan unsur-unsur keajaiban dan keindahan yang dimiliki oleh Inderaputera sehingga sukar di tewaskan.

Misalnya:

.....Setelah itu maka Raja Dewa Mengerna pun memanah Inderaputera berasap keluar api memancar-mancar ke udara dan Inderaputera pun memanah Raja Dewa Lela Mengerna. Maka kena tubuhnya demikian juga keluar api memancar-mancar. Maka kedua anak raja itu pun bertetakan pedang. Setelah itu maka Raja Dewa Lela Mengerna pun memanah ke udara seperti guruh akan bunyinya dan anak panahnya itu menjadi mega hendak menyelubungi akan Inderaputera.....

(Hikayat Inderaputera: 53-54)

Selain daripada itu, satu lagi unsur keajaiban yang saya rasakan agak menarik yang terdapat pada ketiga-ketiga isteri Inderaputera, yang memainkan peranan yang besar untuk mengumpulkan kembali serpihan-serpihan daging dan tulang Inderaputera yang telah dicincang hancur oleh menteri-menteri dan anak-anak raja yang dengki. Kesaktian menggunakan anak panah yang dapat menjelma menjadi semut banyak menimbulkan kehairanan dan takjub. Di sinilah terletaknya keindahan. Misalnya:

Setelah itu maka tuan puteri yang ketiga itu pun melepaskan anak panah kesaktiannya itu disuruh pergi mencari Inderaputera itu. Jikalau ia menjadi habu sekali pun dapat juga. Maka anak panah itu pun menjadi semut, pergi mencari tubuh Inderaputera itu. Maka anak panah itu pun bertemulah dengan mayat Inderaputera itu. Sudahlah hancur. Maka ia pun segera kembali memberitahu kepada tuan puteri ketiga itu.

(Hikayat Inderaputera: 200)

Maka tuan puteri bertiga itu pun pergilah mengikut anak panah itu. Setelah dilihat oleh tuan puteri ketiga tubuh Inderaputera itu maka dicabut oleh tuan puteri anak panah itu lalu dihempaskan anak panah itu ke bumi. Maka anak panah itu menjadi semut terlalu banyak. Maka segala daging-daging dan kulit-kulit Inderaputera yang hancur itu pun dihimpunkannya.

(Hikayat Inderaputera: 200)

Dari contoh petikan di atas itu, walaupun ia nampak melampaui batas iaitu tidak logik pada pandangan mata namun jelas bagi kita ia tidak menjemukan khalayak. Disebabkan keindahan yang ada pada teks tersebut telah dapat menarik perhatian dan melekakan khalayaknya. Kata yang sering muncul untuk unsur keajaiban, magis dan sihir ialah kesaktian. Semua cerita memerlukan kesaktian ini sebagai bumbunya. Ia seperti merujuk kepada suatu unsur yang wajib dalam cerita. Pengarang serta khalayak Melayu juga dibesarkan oleh kesaktian dan keajaiban ini, dan sering menuntutnya untuk hiburan dan kembara imaginasi yang hanya dapat ditawarkan oleh sastera melalui rasa hairan, terpegun oleh kecantikan, kebesaran dan ketakjuban manusia dan peristiwa. Inilah salah satu unsur juga yang menjadikan *Hikayat Inderaputera* ini sebuah hikayat yang indah.

Selain daripada itu juga pengaruh puitika kiasan pantun juga dapat dikesan yang merujuk kepada keindahan. Dalam *Hikayat Inderaputera* terdapat dalam salah satu episod yang paling halus dan indah di mana Inderaputera menggunakan kiasan ala tradisi pantun ketika memaklumkan bahawa dia mengagumi kecantikan bidadari telanjang yang mandi laut dengan menggambarkan berbagai-bagai bunga dan tumbuhan, misalnya:

Apakah dicari bayan terbang,
Rajawali menyambar dia,
Apakah dicari dayang berulang-ulang,
Orang bestari mendapat dia.

(Hikayat Inderaputera: 34)

Anak geroda mudik sekawan,
Seekor terlanggar gugur, sayapnya sedepa,
Lekat di tangan Inderaputera bilangan,
Anak Maharaja Bikrama Buspa.

(Hikayat Inderaputera: 36)

Unsur keindahan *Hikayat Inderaputera* juga dapat dilihat dengan adanya unsur sintesis. Sintesis turut nampak dalam satu sumber *Hikayat Inderaputera* ialah motif-motif seperti kemasukan watak utama ke dalam perbendaharaan ghaib bagi mendapatkan kuda ajaib, pertolongan watak utama kepada jin Islam dalam peperangan berasal daripada *Hikayat Amir Hamzah*. Pengarang hikayat ini bukan sahaja mencipta sintesis yang istimewa dengan mengubahsuai bahan-bahan tradisi asing malah menambahkan unsur-unsur yang memberikan corak khas Melayu asli.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan keindahan ialah sesuatu yang lebih istimewa, berada di luar kebiasaan, kerana lebih tersusun, lebih terpilih, lebih merdu, lebih canggih, lebih banyak membawa manfaat, lebih cantik dan lebih membawa kesan. Oleh itu, daerah keindahan sastera Melayu itu tidak sahaja terlihat pada estetika yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya. Keindahan dalam *Hikayat Inderaputera* terserlah dalam berbagai-bagai aspek dan hikayat ini bolehlah dianggap sebagai sebuah diantara sastera lama yang telah masyhur berpuluh atau beratus-ratus tahun lamanya kerana unsur keindahannya yang terdapat di dalamnya.

RUJUKAN

- Ali bin Ahmad, 1979, **Hikayat Inderaputera**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Hashim Awang, *et.al.*, 1985, **Mendekati Kesusasteraan Melayu**, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
- Muhammad Haji Salleh, 2000, **Puitika Sastera Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mohd. Affandi Hassan, *et.al.*, 1994, **Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Noriah Taslim, 1993, **Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- V.I. Braginsky, 1994, **Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Zalila Sharif, 1993, **Kesusasteraan Melayu Tradisional**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Zainon Bt. Sheikh Ahmad, 1997, **Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional untuk STPM Edisi Kedua**, Penerbit Elman, Kuala Lumpur